

04 JUL 1996

PM TIBA UNTUK LANCAR GERAKAN DESA WAWASAN

SEBERANG PERAK, 4 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk melancarkan Gerakan Desa Wawasan bertemakan ke arah transformasi kedua pembangunan luar bandar.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang diringi Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isteri, tiba dengan menaiki helikopter dari Lapangan terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh.

Beliau kemudian diarak dengan perarakan motosikal seramai 100 orang belia ke pentas utama pelancaran piagam desa wawasan di padang Sekolah Menengah Changkat Lada.

Pada majlis itu beliau dijadual menerima ikrar piagam daripada Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa yang kemudian disampaikan kepada Exco-exco Pembangunan Luar Bandar negeri-negeri.

Dr Mahathir juga akan mengiringi Dr Siti Hasmah merasmikan "Projek 1001 Gelanggang Rakyat" di dewan badminton berhampiran dan kemudian melawat tapak pameran yang diadakan sempena pelancaran desa wawasan.

Beliau kemudian akan dibawa ke tapak menuai padi kira-kira 12 km dari pentas utama untuk acara menunai padi dan melancarkan jenama beras edaran Koperasi Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak serta menyaksikan pameran alat kelengkapan tanaman padi dahulu dan sekarang.

Beliau juga akan merasmikan Dataran Piagam yang merupakan sebuah tugu yang dibina khas berhampiran ibu pejabat Felcra, mencatatkan piagam yang telah diikrarkan, sebelum berlepas ke Ipoh untuk melancarkan kolej perubatan swasta Asean-Sheffield Medical College. -- BERNAMA